

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

OKTOBER 2001

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir yang disediakan

Oleh

RABEAH BTE SHAIKH MOHAMED

Bertajuk

**KAJIAN KESESUAIAN PERLETAKAN PASAR AWAM
SEKSYEN 6, SHAH ALAM, SELANGOR**

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Penyelia	Prof. Madya Dr. Wan Salleh Wan Ibrahim
Koordinator	Prof. Madya Dr. Mizan Hitam
Ketua Program	Pn. Hazlina Hamdan

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim

Syukur kehadiran Ilahi di mana dengan keredhaanNya dan limpah KurniaNya, alhamdulillah laporan ini dapat disiapkan tepat pada masa yang ditetapkan.

Dikeempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penyelia, khasnya Prof. Madya Dr Wan Salleh Bin Wan Ibrahim kerana telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar di sepanjang tempoh penyediaan laporan ini. Segala jasa baik dan tunjuk ajar beliau amat dihargai. Ucapan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam memberikan panduan sehingga siapnya kajian ini.

Selain itu setinggi penghargaan kepada semua kakitangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Penilaian, Majlis Bandaraya Shah Alam di dalam memberi kerjasama dan maklumat yang amat berguna untuk kajian ini.

Penghargaan juga diabdikan buat keluarga terutama sekali abah dan emak di atas dorongan dan semangat yang disalurkan tanpa jemu-jemu.

Akhir sekali, ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

.. Sekian, Terima Kasih.

ABSTRAK

Penyediaan laporan kajian ilmiah bertajuk Kajian Kesesuaian Perletakan Pasar Awam Seksyen 6, Shah Alam ini adalah untuk mengkaji peranan, keupayaan dan kesesuaian perletakan pasar awam dalam memenuhi keperluan pengguna seterusnya mengemukakan cadangan bagi pembangunan pada masa hadapan.

Aspek-aspek yang dikaji melibatkan aspek fizikal pasar, peniaga, pengunjung dan juga penduduk kawasan tadahan. Aspek-aspek ini telah dikenalpasti hasil daripada kajiselidik yang telah dijalankan dan ianya perlu untuk menguatkan lagi struktur kajian ilmiah ini. Terdapat tiga jenis kaji selidik utama dalam Kajian Kesesuaian Perletakan Pasar Awam Seksyen 6, Shah Alam ini iaitu pengamatan, temubual dan soal selidik. Kajian fizikal di lapangan meliputi mengenai lokasi, pengurusan, keadaan persekitaran, ruang-ruang niaga dan kemudahan yang sedia ada di Pasar Awam Seksyen 6. Temubual juga telah diadakan dengan pihak yang terbabit dengan pengurusan pasar iaitu Pihak Jabatan Penilaian, Majlis Bandaraya Shah Alam. Soal selidik telah dijalankan keatas tiga jenis responden iaitu peniaga, pengunjung dan penduduk sekitar.

Setelah kajian dijalankan, beberapa penemuan berkenaan dengan isu penduduk, pengguna dan peniaga telah dikenalpasti. Masalah berkenaan suasana dalaman, kekurangan kemudahan dan infrastruktur, pengurusan dan persepsi masyarakat terhadap imej dan kemampuan pasar itu sendiri merupakan antara penemuan masalah yang timbul hasil daripada kajian ini.

Berikutan daripada penemuan isu dan masalah dan analisis yang telah dijalankan, beberapa cadangan yang meliputi dan dijangka mampu menyelesaikan masalah yang timbul telah dikemukakan. Cadangan-cadangan ini meliputi konsep dan imej baru pasar moden, penyediaan aktiviti utama, lanskap yang menarik dan sesuai, cadangan pembaikan infrastruktur dan cadangan berbentuk fizikal. Cadangan-cadangan ini dikemukakan diperingkat akhir kajian dan diikuti dengan rumusan keseluruhan.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI FOTO	ix
SENARAI LAMPIRAN	xi
1.0 PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 KENYATAAN MASALAH	2
1.3 TUJUAN KAJIAN	5
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5 SKOP KAJIAN	6
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	6
1.7 KAWASAN KAJIAN	7
1.8 KAEDAH KAJIAN	7
2.0 KAJIAN TEORITIKAL DAN KAWASAN KAJIAN	
2.1 KAJIAN TEORITIKAL	10
2.1.1 Pengenalan	10
2.1.2 Definisi Pasar	10
2.1.3 Sejarah Perancangan Pasar	12
2.1.4 Struktur Ekonomi Bandar Ketiga	14
2.1.5 Hierarki Kawasan Perniagaan	16
2.1.6 Kategori Pasar	17
2.1.7 Garis Panduan Pasar	20
2.1.8 Kriteria-Kriteria Penyediaan Pasar	21

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap keperluan barangan makanan harus didapati setiap hari untuk menjamin kesegarannya disamping memenuhi kehendak manusia terhadap bekalan itu sendiri. Barang-barang keperluan harian boleh didapati dari kedai-kedai yang berdekatan dengan kawasan kediaman seseorang pembeli. Namun sungguhpun demikian, arahnya sering kali ke pasar-pasar tempatan untuk mendapatkan barangan keperluan harian samada bahan mentah mahupun barang runcit.

Pasar merupakan salah satu daripada aktiviti perniagaan yang penting dan menjadi tumpuan kerana menyediakan barangan keperluan kepada penduduk dan menyediakan pelbagai aktiviti-aktiviti jual beli barangan keperluan harian. Ianya perlu disediakan di kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai seperti di kawasan perumahan, pekan-pekan kecil dan juga di pusat bandar.

Kepentingan pasar tidak dilihat dari segi perkembangan ekonomi penduduk bagi suatu komuniti pada zaman dahulu sehingga masa kini sahaja malah ianya merupakan titik pertemuan antara pembeli dan penjual dan aktiviti tawar-menawar yang dijalankan akan